

Gaya Hidup Sihat dengan Zumba



Kuantan, 22 Feb- Lebih 300 peserta hadir dalam *Zumba Time* sebagai menyokong usaha universiti dalam menerapkan amalan gaya hidup sihat. Program dianjurkan Pusat Sukan & Kebudayaan (PSK) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari) sempena Hari Wanita Sedunia yang disambut pada bulan Mac setiap tahun.

Program buat julung kalinya dianjurkan oleh PSK mendapat sambutan ramai apabila turut menerima penyertaan bukan sahaja daripada warga UMP sendiri malah turut disertai oleh komuniti setempat.

Pengarah PSK, Abd. Rahman Haji Safie berkata, penganjuran ini adalah sebahagian daripada program meningkatkan kesedaran penjagaan kesihatan khususnya kepada kaum wanita dalam memastikan tahap kesihatan beradaan dalam keadaan baik selain menjaga pemakanan seharian.



Bagi pengarah program, Fifi Maizura Fauzan yang juga Penolong Pegawai Belia & Sukan berkata, penganjuran program kali pertama ini berjaya dilaksanakan dengan jayanya serta mendapat komitmen sepenuhnya daripada semua staf yang terlibat. Pihaknya menghargai komitmen pihak lain termasuk pihak lain termasuk Unit Perundingan & Bantuan Staf (EAP) dan F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd kerana turut sama menyumbang bagi menjayakan program ini yang memberikan manfaat kepada warga UMP dan komuniti setempat.

Hadir sama dalam program Ketua Puteri UMNO Bahagian Kuantan, Datin Roslina Ibrahim yang turut hadir bagi menyempurnakan majlis penutupan dan sesi penyampaian hadiah seperti telefon pintar di samping barangan wanita seperti produk kosmetik, produk kesihatan, pakaian dan sebagainya. Beliau mengharapkan program ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Berita disediakan oleh Nur Juhaida Basri dari Pusat Sukan dan Kebudayaan dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 02-03-2017, 14:58:35